

28/02/1999

Osman Aroff wakil peribadi Mahathir di Kubang Pasu

ALOR STAR: Bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff dilantik sebagai wakil peribadi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi kawasan Parlimen Kubang Pasu, berkuatkuasa Rabu lalu.

Osman yang meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar pertengahan 1996 menerima surat pelantikan bertarikh 24 Februari itu, sehari selepas beliau menemui Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, di Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Beliau yang enggan menjelaskan siapa yang menyerahkan surat itu berkata, surat itu diserahkan kepadanya melalui serahan tangan.

Beliau menggantikan bekas wakil peribadi Perdana Menteri, Saad Hashim yang memegang jawatan berkenaan sejak hujung 1980-an.

Bagaimanapun, Saad masih kekal sebagai Setiausaha Kerja Umno bahagian Kubang Pasu.

Osman yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, berkata pertemuan beliau dengan Dr Mahathir adalah pertemuan biasa antara Timbalan Ketua Umno bahagian dengan Ketua Umno bahagian.

(END)